

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG]
TARIKH : ISNIN, 6 APRIL 2015
RUJUKAN : L12 [PR-1331-L65377]
SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-

- (a) berapakah lesen perniagaan atau lesen penjaja yang telah dibatalkan oleh DBKL kerana di Alibabakan sejak tahun 2014 hingga sekarang; dan;
- (b) apakah langkah-langkah tegas DBKL untuk menghapuskan lesen Ali Baba.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pendang, tiada istilah lesen ali baba yang dikeluarkan oleh pihak DBKL. Lesen yang dikeluarkan oleh DBKL ialah lesen yang dikeluarkan kepada penjaja dan peniaga tempatan. Memandangkan tiada kategori lesen ali baba yang dikeluarkan oleh DBKL, maka tiada lesen ali baba yang dibatalkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pendang jua, DBKL sering mengadakan tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja-penjaja yang tidak mematuhi peraturan dan syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh DBKL. Mulai tahun 2014 sehingga Februari 2015, DBKL telah mengeluarkan sebanyak **11,702 notis kompaun** kepada penjaja atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil dan Akta yang digunapakai.

Selain itu juga, DBKL akan membatalkan lesen penjaja serta-merta sekiranya didapati pelesen yang menyalahgunakan lesen yang diberikan serta disenaraihitamkan dari sebarang permohonan lesen akan datang.